



GARIS PANDUAN
TUNTUTAN INSENTIF BAGI INDUSTRI PETROLEUM HULUAN
DI BAWAH AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 [APCP]

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	Muka surat
1. Pengenalan	1
2. Objektif	2
3. Tafsiran	2
4. Insentif Medan Marginal	3
5. Insentif Elaun Pelaburan Bagi Suatu Projek Yang Layak	15
6. Penafian	28
7. Pembatalan	28

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 67A Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [APCP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia memperuntukkan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. PENGENALAN

- 1.1 Syarikat petroleum huluhan dikenakan cukai pendapatan di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [APCP] atas pendapatan yang diperoleh daripada operasi petroleum.
- 1.2 Bagi menggalakkan syarikat petroleum membuat pelaburan di medan marginal dan di kawasan operasi yang memerlukan modal yang tinggi, insentif-insentif cukai telah diperkenalkan:
 - (a) Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) 2013 [*P.U. (A) 119/2013*] yang dibaca bersama Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) (Pindaan) 2014 [*P.U. (A) 58/2014*];
 - (b) Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2013 [*P.U. (A) 122/2013*] yang dibaca bersama Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) (Pindaan) 2014 [*P.U. (A) 57/2014*];
 - (c) Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Medan Marginal) 2013 [*P.U. (A) 121/2013*];
 - (d) Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) 2013 [*P.U. (A) 120/2013*] yang dibaca bersama Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) (Pindaan) 2014 [*P.U. (A) 69/2014*]; dan
 - (e) Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) (Pindaan) 2024 [*P.U. (A) 307/2024*].

Insentif-insentif cukai di perenggan 1.2 (a) sehingga (d) adalah berkuat kuasa mulai 30 November 2010 dan insentif cukai di perenggan 1.2 (e) bermula 1 Januari 2024.

- 1.3 Orang yang boleh dikenakan cukai (OBD) hendaklah menyalurkan permohonan bagi penentuan kelayakan insentif-insentif yang dinyatakan dalam subperenggan 1.2 kepada Pengurusan Petroleum Malaysia, Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) sebagaimana yang dinyatakan dalam Garis

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Panduan Permohonan Insentif Cukai Bagi Industri Petroleum Hulu Di Bawah APCP dan Akta Kastam 1967 yang diterbitkan dalam laman sesawang Kementerian Kewangan (MOF) bagi tujuan verifikasi yang kemudiannya dibawa ke Jawatankuasa Insentif Industri Petroleum Hulu (JIIPH) di bawah MOF untuk kelulusan. Permohonan insentif cukai ini mestilah dikemukakan kepada PETRONAS tidak melebihi 5 tahun dari tarikh kelulusan Pelan Pembangunan Medan (FDP).

2. OBJEKTIF

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung dengan insentif-insentif yang layak dituntut oleh OBD dan kaedah pengiraan insentif berkenaan.

3. TAFSIRAN

Tafsiran bagi tujuan garis panduan ini:

- 3.1 "bertekanan tinggi bersuhu tinggi" ertinya suatu projek untuk pembangunan reservoir dalam keadaan suhu dasar telaga tidak terganggu melebihi 150°C atau 300°F dan jika sama ada jangkaan tekanan liang maksimum bagi apa-apa formasi poros melebihi 0.8 pip/ka. (lebih daripada 15.4ppg mud), atau kelengkapan kawalan tekanan dengan tekanan kerja terkadar melebihi 10,000 pip;
- 3.2 "gas hidrogen sulfida tinggi" ertinya suatu projek dengan kandungan gas hidrogen sulfida yang melebihi 400 bahagian per juta mengikut isipadu atau menghendaki unit pengasingan gas hidrogen sulfida;
- 3.3 "gas karbon dioksida tinggi" ertinya suatu projek dengan kandungan gas karbon dioksida lebih daripada dua puluh peratus atau tidak menepati spesifikasi loji gas tempat adunan dan memerlukan penyingkiran karbon dioksida;
- 3.4 "Kawasan Pembangunan Bersama" ertinya suatu kawasan sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 [Akta 440];
- 3.5 "medan" ertinya suatu kawasan dalam kawasan perjanjian petroleum;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 3.6 "medan marginal" ertinya suatu medan dalam kawasan perjanjian petroleum sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 4;
- 3.7 "Pelan Pembangunan Medan" ertinya suatu pelan untuk pembangunan medan minyak atau gas yang diluluskan oleh Petroliaam Nasional Berhad;
- 3.8 "perolehan minyak tertingkat" ertinya suatu projek pembangunan tahap ketiga yang melibatkan proses yang mengaplikasikan tenaga luar ke reservoir untuk mempertingkatkan faktor perolehan daripada medan pengeluaran;
- 3.9 "projek laut dalam" ertinya suatu projek di kedalaman air lebih daripada dua ratus meter;
- 3.10 "projek yang layak" ertinya suatu projek sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 5.2.

4. INSENTIF MEDAN MARGINAL

Medan marginal ialah suatu medan dalam kawasan perjanjian petroleum yang mempunyai rizab minyak (minyak mentah dan kondensat) yang berpotensi tidak melebihi tiga puluh (30) juta tong tangki stok atau rizab gas asli yang tidak melebihi lima ratus (500) bilion kaki padu standard.

Kondensat ialah campuran cecair hidrokarbon berketumpatan rendah yang terdapat dalam komponen gas asli. Kondensat merupakan *by-product* yang terhasil daripada gas. Oleh itu, mana-mana projek yang mengeluarkan gas akan turut menghasilkan kondensat dan turut layak dituntut di bawah insentif ini.

OBD yang menjalankan operasi petroleum di suatu medan marginal layak menikmati insentif-insentif berikut:

- 4.1 **Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) 2013 yang dibaca bersama Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) (Pindaan) 2014**
 - 4.1.1 Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi perbelanjaan loji yang layak di bawah Jadual Kedua, APCP yang dilakukan dalam tempoh

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

asas bagi tahun taksiran 2010 hingga tahun taksiran 2024 semata-mata bagi maksud menjalankan operasi petroleum di suatu medan marginal.

- 4.1.2 Di bawah Kaedah-Kaedah ini, OBD layak menuntut elaun modal pada kadar dipercepatkan berbanding dengan kadar elaun modal biasa seperti berikut:

Elaun	Kadar elaun modal (biasa)	Kadar elaun modal (dipercepatkan)
Elaun permulaan	20%	25%
Elaun tahunan	8%	15%

Contoh 1

Blok PM 101 PSC (OBD) melakukan perbelanjaan loji yang layak sebanyak RM200,000 dalam tahun taksiran 2012. Aset tersebut telah digunakan sepenuhnya bagi maksud operasi petroleum dalam medan marginal. OBD layak menuntut elaun modal pada kadar dipercepatkan iaitu 25% dan 15% masing-masing.

Jika penggunaan aset tersebut dikongsi oleh medan marginal dan medan bukan marginal, Kaedah-Kaedah ini tidak lagi terpakai kepada OBD. OBD hanya layak menuntut elaun modal pada kadar biasa di bawah subsubperenggan 8(b) dan subsubperenggan 12(1)(b) Jadual Kedua, APCP.

4.1.3 **Pelupusan**

Sekiranya aset yang diberi elaun modal pada kadar yang dipercepatkan dilupuskan dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pemerolehan, elaun modal yang telah diberikan akan ditarik balik dan dianggap sebagai pendapatan kasar OBD dalam tempoh asas bagi tahun taksiran pelupusan tersebut dilakukan.

Pelupusan bermaksud dijual, dibuang, dihapuskan atau berhenti digunakan bagi tujuan operasi petroleum.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

4.1.4 **Ketidakpakaian**

4.1.4.1 Insentif ini tidak terpakai bagi OBD dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran –

(a) sekiranya OBD tersebut –

- (i) menjalankan operasi petroleum dalam Kawasan Pembangunan Bersama;
- (ii) menjalankan operasi petroleum dalam suatu kawasan di bawah apa-apa perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia bagi eksplorasi dan eksploitasi petroleum bersama dalam kawasan pertindihan; atau
- (iii) telah melakukan perbelanjaan loji yang layak atas aset yang telah dirancang untuk digunakan bagi maksud operasi petroleum dalam kedua-dua medan marginal dan medan bukan marginal.

(b) berhubung dengan –

- (i) suatu medan; atau
- (ii) suatu kawasan yang berkenaan dengan projek laut dalam

jika OBD tersebut telah diberi elaun pelaburan di bawah Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) 2013 yang dibaca bersama Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) (Pindaan) 2014.

4.1.4.2 Sekiranya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pengeluaran terkumpul petroleum di suatu medan marginal dari tahun asas pertama petroleum dikeluarkan hingga ke tahun taksiran tersebut adalah melebihi tiga puluh (30) juta

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

tong tangki stok minyak mentah atau melebihi lima ratus (500) bilion kaki padu standard gas asli, maka Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi OBD tersebut berhubung dengan pendapatan yang diperoleh dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

4.2 Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2013 yang dibaca bersama Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) (Pindaan) 2014

4.2.1 OBD diberi pengecualian daripada pengenaan cukai pendapatan petroleum berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada operasi petroleum di suatu medan marginal.

4.2.2 Pendapatan berkanun yang diberi pengecualian cukai ditentukan mengikut formula berikut:

$$\frac{A}{B} \times C = D$$

di mana,

- A perbezaan amaun cukai pendapatan petroleum ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar 38% dan amaun cukai pendapatan petroleum ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar 25%;
- B amaun cukai pendapatan petroleum ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar 38%;
- C pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi medan marginal; dan
- D pendapatan berkanun yang dikecualikan cukai bagi medan marginal.

4.2.3 Pendapatan berkanun

Penentuan pendapatan berkanun OBD daripada operasi petroleum di suatu medan marginal adalah seperti Bahagian III Bab 4 APCP dan Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) 2013 yang dibaca bersama Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) (Pindaan) 2014.

Contoh 2

APP Sdn Bhd (ASB) dan Petronas Carigali Sdn Bhd (PCSB) menandatangani *Production Sharing Contract* (PSC) dengan PETRONAS dalam tahun taksiran 2012 untuk menjalankan operasi petroleum. Apabila pengeluaran bermula dalam tahun taksiran 2015, terdapat satu medan marginal dan satu medan bukan marginal bagi PSC berkenaan.

Pendapatan berkanun bagi medan marginal :RM3,000,000
Pendapatan berkanun bagi medan bukan marginal :RM1,000,000

Pendapatan berkanun yang dikecualikan cukai bagi medan marginal

$$\frac{(\text{RM3,000,000} \times 38\%) - (\text{RM3,000,000} \times 25\%)}{(\text{RM3,000,000} \times 38\%)} \times \text{RM3,000,000}$$

$$= \text{RM1,026,316}$$

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi medan marginal

$$\text{RM3,000,000} - \text{RM1,026,316} = \text{RM1,973,684}$$

Cukai yang dikenakan ke atas medan marginal :

$$\text{RM1,973,684} \times 38\% = \text{RM750,000}$$

atau

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

[Cukai pada kadar efektif ke atas medan marginal RM3,000,000 x 25%
= RM750,000]

Jumlah cukai pendapatan daripada operasi petroleum yang kena
dibayar oleh OBD bagi tahun taksiran 2015 ialah:

Medan marginal	=	RM750,000
Medan bukan marginal (RM1,000,000 x 38%)	=	<u>RM380,000</u>
Jumlah cukai pendapatan petroleum		<u>RM1,130,000</u>

4.2.4 Ketidakkapaian

4.2.4.1 Insentif ini tidak terpakai bagi OBD dalam tempoh asas bagi
suatu tahun taksiran sekiranya OBD tersebut menjalankan
operasi petroleum –

- (a) di suatu medan marginal dalam suatu kawasan yang
berkaitan dengan projek laut dalam yang telah
diberikan elaun pelaburan di bawah Peraturan-
Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun
Pelaburan) 2013 yang dibaca bersama Peraturan-
Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun
Pelaburan) (Pindaan) 2014;
- (b) di dalam Kawasan Pembangunan Bersama; atau
- (c) di dalam suatu kawasan di bawah apa-apa perjanjian
atau perkiraan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia
dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia
bagi eksplorasi dan eksploitasi petroleum bersama
dalam kawasan pertindihan.

4.2.4.2 Sekiranya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran,
pengeluaran terkumpul petroleum di suatu medan marginal
bagi OBD, dari tahun asas pertama petroleum dikeluarkan
hingga ke tahun taksiran tersebut adalah melebihi tiga puluh
(30) juta tong tangki stok minyak mentah atau melebihi lima
ratus (500) bilion kaki padu standard gas asli, maka
pengecualian ini tidak terpakai bagi OBD tersebut berhubung

dengan pendapatan yang diperoleh dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Contoh 3

Fakta sama seperti di Contoh 2, tetapi sehingga 20 Oktober 2016, pengeluaran terkumpul minyak mentah bagi medan marginal telah meningkat sehingga mencapai 35 juta tong tangki stok. Dengan itu, medan tersebut bukan lagi beroperasi sebagai medan marginal dan tidak layak mendapat pengecualian cukai pendapatan petroleum di bawah Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2013 bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

4.3 Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Medan Marginal) 2013

4.3.1 Pendapatan kasar

OBD hendaklah menyediakan akaun berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada operasi petroleum di suatu medan marginal dan operasi petroleumnya yang lain.

OBD yang menjalankan operasi petroleum di dua atau lebih medan marginal di bawah suatu perjanjian petroleum, pendapatan daripada semua medan marginal tersebut hendaklah disatukan sebagai jumlah pendapatan kasar OBD.

4.3.2 Pendapatan larasan

Penentuan pendapatan larasan OBD daripada operasi petroleum di suatu medan marginal adalah seperti Bahagian III Bab 3 APCP.

4.3.3 Kerugian larasan

Amaun perbelanjaan yang dibenarkan melebihi pendapatan kasar adalah merupakan kerugian larasan operasi petroleum di suatu medan marginal bagi tempoh asas suatu tahun taksiran. Kerugian larasan tersebut hanya boleh dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan berkanun OBD di suatu medan marginal. Sekiranya

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

terdapat kerugian daripada medan bukan marginal, rugi tersebut tidak boleh diserap daripada pendapatan berkanun medan marginal.

Contoh 4

Dengan mengambil fakta yang sama seperti di Contoh 2, tetapi dalam tahun taksiran 2015, terdapat dua medan marginal dan satu medan bukan marginal. Medan marginal mengalami kerugian sebanyak RM500,000.

Disebabkan tiada pendapatan berkanun daripada medan marginal dalam tahun taksiran 2015, rugi medan marginal hendaklah dihantar hadapan untuk diserap daripada pendapatan berkanun medan marginal dalam tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga rugi diserap sepenuhnya. Rugi medan marginal (RM500,000) tidak boleh diserap oleh pendapatan berkanun medan bukan marginal.

4.3.4 Pendapatan berkanun

- (a) Penentuan pendapatan berkanun OBD daripada operasi petroleum di suatu medan marginal adalah seperti Bahagian III Bab 4 APCP.
- (b) Pengiraan pendapatan berkanun bagi medan marginal adalah seperti berikut:

Butiran	RM
Pendapatan larasan	xxx
Campur: Kenaan imbalan	xxx
Tolak: Elaun modal (Jadual Kedua, APCP)	xxx
Tolak: Elaun Modal Dipercepatkan (P.U. (A) 119/2013)	<u>xxx</u>
Pendapatan berkanun	xxx

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

4.3.5 **Elaun modal yang tidak diserap**

Elaun modal yang tidak dapat diserap dalam suatu tahun taksiran disebabkan kekurangan atau ketiadaan pendapatan larasan daripada medan marginal hendaklah dihantar hadapan dan hanya ditolak daripada pendapatan larasan medan marginal dalam tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga elaun modal tersebut diserap sepenuhnya.

4.3.6 **Pendapatan boleh taksir (PBT)**

- (a) PBT terdiri daripada amaun pendapatan berkanun di suatu medan marginal ditolak dengan amaun kerugian larasan medan marginal yang dibawa hadapan daripada tahun taksiran sebelumnya.
- (b) Amaun kerugian medan marginal yang tidak dapat diserap hendaklah dihantar hadapan untuk diserap daripada pendapatan berkanun medan marginal dalam tahun-tahun taksiran berikutnya. Rugi daripada medan marginal tidak boleh diserap daripada pendapatan berkanun medan bukan marginal dan begitu juga sebaliknya.
- (c) Pengiraan PBT bagi medan marginal adalah seperti berikut:

Butiran	RM
Pendapatan berkanun	xxx
Tolak: Rugi medan marginal (b/h)	<u>xxx</u>
PBT	xxx

Contoh 5

Pada tahun taksiran 2015, PGSB - SK1325 PSC menjalankan operasi petroleum di Medan Teratai (medan marginal) dan Medan Orkid (medan bukan marginal). Akaun ditutup pada 31 Disember setiap tahun.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Medan Teratai telah diberi elaun modal dipercepatkan pada tahun taksiran 2015. Pada tarikh penutupan akaun 31 Disember 2015, Medan Teratai masih mempunyai baki perbelanjaan aset sebanyak RM30,000 dan rugi yang tidak diserap sebanyak RM50,000.

Pada 30 November 2016, pengeluaran terkumpul minyak mentah di Medan Teratai telah meningkat sehingga 35 juta tong tangki stok. Dengan itu, Medan Teratai tidak lagi beroperasi sebagai medan marginal dan tidak layak untuk menerima elaun modal dipercepatkan di bawah Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) 2013 dan tidak layak untuk mendapat pengecualian cukai pendapatan petroleum di bawah Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2013 bagi tahun taksiran 2016.

Walau bagaimanapun, baki perbelanjaan sebanyak RM30,000 boleh dibenarkan elaun modal pada kadar biasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran berikutnya. Manakala rugi Medan Teratai RM50,000 yang tidak diserap dibenarkan untuk ditolak daripada pendapatan berkanun medan bukan marginal (Medan Teratai dan Medan Orkid) bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga amaun rugi diserap sepenuhnya.

4.3.7 Pendapatan yang boleh dikenakan cukai

- (a) Pendapatan yang boleh dikenakan cukai ditentukan dengan mengambil jumlah PBT di suatu medan marginal ditolak dengan amaun derma yang diluluskan yang dibuat oleh OBD dalam suatu tempoh asas bagi tahun taksiran.
- (b) Amaun derma yang diluluskan bagi suatu medan marginal ditentukan melalui formula berikut:

$$\frac{A}{B} \times C = D$$

di mana,

A amaun pendapatan kasar OBD daripada suatu medan marginal;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- B jumlah pendapatan kasar OBD daripada operasi petroleum;
- C hadiah berupa wang tunai atau kos sumbangan atau nilai sumbangan yang dibuat oleh OBD dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu; dan
- D amaun derma daripada medan marginal.
- (c) Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi medan marginal adalah seperti berikut:

Butiran	RM
PBT	xxx
Tolak: Derma yang diluluskan ¹	<u>xxx</u>
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	xxx

¹ Amaun derma yang diluluskan adalah bersamaan dengan D dalam formula di perenggan 4.3.7(b)

Contoh 6

Tahun Taksiran 2013	Jumlah (RM'000)
Pendapatan kasar operasi petroleum	10,000
Sumbangan derma kepada badan diluluskan	150

Pembahagian derma di antara medan marginal dan medan bukan marginal adalah seperti berikut:

Butiran	Medan Marginal (RM'000)	Medan Bukan Marginal (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Pendapatan Kasar (A)	1,000	9,000	10,000 (B)
Derma			150 (C)

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Butiran	Medan Marginal (RM'000)	Medan Bukan Marginal (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Pembahagian Derma	$\frac{1,000}{10,000} \times 150$	$\frac{9,000}{10,000} \times 150$	
$\frac{A}{B} \times C$	= 15	= 135	

Contoh 7

Pada tahun taksiran 2013, OCSB – Blok PM 9800 PSC berjaya mengeluarkan minyak mentah di Medan Cempaka, Medan Kemboja dan Medan Melur. Medan Cempaka di blok ini mempunyai rizab minyak mentah kurang daripada 30 juta tong dan telah diberi kelulusan dan diperakui sebagai medan marginal.

Pengiraan cukai pendapatan petroleum bagi tahun taksiran 2013 adalah seperti berikut:

Medan Cempaka (Medan Marginal)	Medan Kemboja dan Medan Melur (Medan Bukan Marginal)
RM	RM
Pendapatan kasar 1,000,000	Pendapatan kasar 9,000,000
(-) Perbelanjaan dibenarkan 300,000	(-) Perbelanjaan dibenarkan 1,000,000
Pendapatan larasan 700,000	Pendapatan larasan 8,000,000
(+) Kenaan imbalan 0	(+) Kenaan imbalan 0
700,000	8,000,000
(-) Elaun modal 200,000	(-) Elaun modal 700,000
Pendapatan berkanun 500,000	Pendapatan berkanun 7,300,000
(-) Pendapatan dikecualikan ² 165,750	
334,250	
(-) Rugi b/h 500	(-) Rugi b/h 0
PBT 333,750	PBT 7,300,000
(-) Derma yang diluluskan ³ 15,000	(-) Derma yang diluluskan 135,000
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai 318,750	Pendapatan yang boleh dikenakan cukai 7,165,000
Cukai pendapatan petroleum RM318,750 x 38% = RM121,125	Cukai pendapatan petroleum RM7,165,000 x 38% = RM2,722,700
atau	
Kadar cukai efektif	
*RM484,500 x 25% = RM121,125	
*(RM500,000 - RM500 - RM15,000)	

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

² Pengiraan pendapatan yang dikecualikan cukai:

$$\frac{(\text{RM}484,500 \times 38\%) - (\text{RM}484,500 \times 25\%) \times \text{RM}484,500}{\text{RM}484,500 \times 38\%} = \text{RM}165,750$$

$$[\text{RM}484,500 = \text{RM}500,000 - \text{RM}500 - \text{RM}15,000]$$

³ Pembahagian derma dikira berasaskan pendapatan kasar bagi medan marginal dan medan bukan marginal.

Pembahagian derma (medan marginal) :

$$\frac{\text{RM}1,000,000}{\text{RM}10,000,000} \times \text{RM}150,000 = \text{RM}15,000$$

Pembahagian derma (medan bukan marginal) :

$$\frac{\text{RM}9,000,000}{\text{RM}10,000,000} \times \text{RM}150,000 = \text{RM}135,000$$

Sekiranya pada tahun taksiran 2013, Medan Cempaka (medan marginal) mengalami kerugian, hanya bahagian derma daripada Medan Kemboja dan Medan Melur sahaja yang dibenarkan tolakan dalam mengira pendapatan yang dikenakan cukai. Bahagian derma daripada Medan Cempaka adalah diabaikan.

5. INSENTIF ELAUN PELABURAN BAGI SUATU PROJEK YANG LAYAK

- 5.1 OBD yang menjalankan operasi petroleum berkenaan dengan suatu projek yang layak (PYL) boleh menuntut elaun pelaburan di bawah Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) 2013 yang dibaca bersama Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) (Pindaan) 2014 dan Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) (Pindaan) 2024.
- 5.2 PYL yang diluluskan oleh Menteri ialah suatu projek yang dijalankan oleh OBD di dalam –
- (a) suatu medan yang menjalankan satu atau lebih projek berkenaan dengan perolehan minyak tertingkat, gas karbon dioksida tinggi, bertekanan tinggi bersuhu tinggi, projek laut dalam, gas hidrogen sulfida tinggi atau mana-mana gabungan; atau

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (b) suatu kawasan di bawah suatu perjanjian petroleum, berkenaan dengan suatu projek laut dalam.

5.3 Operasi petroleum berasingan

Operasi petroleum yang dijalankan oleh OBD berkenaan dengan suatu PYL hendaklah dianggap sebagai operasi petroleum yang berasingan daripada operasi petroleumnya yang lain di medan marginal dan bukan PYL.

5.4 Pendapatan kasar

- (a) Pendapatan daripada PYL di perenggan 5.2 (a) hendaklah dianggap berasingan daripada pendapatan kasar bukan PYL. Bagi OBD yang menjalankan dua atau lebih PYL, pendapatan daripada semua PYL tersebut hendaklah disatukan pada peringkat pendapatan kasar OBD.
- (b) OBD yang menjalankan PYL seperti perenggan 5.2 (b), pendapatan kasar daripada kawasan tersebut hendaklah dianggap sebagai satu punca pendapatan kasar OBD.

5.5 Pendapatan larasan

Penentuan pendapatan larasan OBD daripada operasi petroleum di suatu PYL adalah seperti Bahagian III Bab 3 APCP.

5.6 Kerugian larasan

- (a) Sekiranya amaun perbelanjaan yang dibenarkan melebihi pendapatan kasar bagi tempoh asas suatu tahun taksiran operasi petroleum bagi suatu PYL, lebihan amaun tersebut hendaklah diambil sebagai amaun kerugian larasan daripada operasi petroleum bagi suatu PYL itu dan hanya boleh dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan berkanun bagi PYL di perenggan 5.2 (a) atau (b) mengikut mana yang berkenaan.
- (b) Rugi PYL di perenggan 5.2 (a) yang tidak dapat diserap hendaklah dibawa hadapan untuk diserap daripada pendapatan berkanun projek atau projek-projek yang layak dalam tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga rugi diserap sepenuhnya.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (c) Rugi PYL di perenggan 5.2 (b) yang tidak dapat diserap hendaklah dibawa hadapan untuk diserap daripada pendapatan berkanun PYL yang sama dalam tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga rugi diserap sepenuhnya.

5.7 Elaun modal

- (a) OBD yang melakukan perbelanjaan modal yang layak berkenaan suatu PYL adalah layak menuntut elaun modal di bawah Jadual Kedua, APCP.
- (b) Sekiranya penggunaan aset dikongsi oleh PYL dan bukan PYL, maka elaun modal hendaklah diagihkan berdasarkan pendapatan kasar bagi setiap projek.
- (c) Elaun modal suatu PYL yang tidak dapat diserap pada suatu tahun taksiran hendaklah dihantar hadapan untuk diserap daripada pendapatan larasan PYL pada tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga elaun modal diserap sepenuhnya.
- (d) Elaun modal yang telah diberi kepada aset yang dilupuskan dalam tempoh kurang daripada dua (2) tahun dari tarikh pemerolehan akan ditarik balik dan dianggap sebagai pendapatan kasar OBD dalam tempoh asas bagi tahun taksiran pelupusan tersebut dilakukan.

5.8 Pendapatan berkanun

- (a) Pendapatan berkanun OBD terdiri daripada pendapatan larasan ditolak dengan mana-mana elaun di bawah Jadual Kedua, APCP berkenaan dengan suatu PYL.
- (b) Pendapatan berkanun bagi PYL ditentukan seperti berikut:

Butiran	RM
Pendapatan larasan	xxx
Tolak: Elaun modal (Jadual Kedua, APCP)	xxx
Tolak: Elaun modal (aset dikongsi) ⁴	<u>xxx</u>
Pendapatan berkanun	<u>xxx</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

⁴ Elaun modal bagi aset yang dikongsi oleh PYL dan bukan PYL diagihkan berdasarkan pendapatan kasar bagi setiap projek.

5.9 Kelayakan Elaun Pelaburan (EP)

- (a) EP diberi kepada OBD yang melakukan perbelanjaan modal yang layak –
 - (i) berkenaan dengan suatu PYL seperti perenggan 5.2 (a) atau (b); atau
 - (ii) atas aset infrastruktur seperti yang ditentukan oleh Menteri.
- (b) EP yang layak adalah bersamaan dengan enam puluh (60) peratus perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dalam tempoh sepuluh (10) tahun dan terhad kepada tujuh puluh (70) peratus daripada pendapatan berkanun OBD tersebut.
- (c) Tempoh yang layak bagi suatu PYL hendaklah bermula pada tarikh kelulusan FDP yang pertama berkenaan dengan PYL yang dijalankan di dalam suatu kawasan yang ditetapkan dalam perjanjian petroleum.
- (d) EP yang tidak dapat diserap dalam suatu tahun taksiran disebabkan kekurangan atau ketiadaan pendapatan berkanun hendaklah dihantar hadapan dan ditolak daripada pendapatan berkanun PYL berkenaan dalam tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga EP diserap sepenuhnya.
- (e) Perbelanjaan modal yang layak bagi maksud perenggan 5.2 (a) atau (b) ialah perbelanjaan ke atas penyediaan loji dan jentera termasuk penyediaan atau pembinaan platform luar pesisir yang tetap untuk penggerudian atau pengeluaran atau pengekstrakan petroleum.
- (f) Perbelanjaan modal yang layak bagi aset infrastruktur bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas aset berkenaan dengan talian paip dan kemudahan-kemudahan berkaitan yang digunakan secara terus bagi maksud pengendalian dan pengangkutan petroleum ke tempat jualan atau penghantaran atau eksport.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

5.10 Pendapatan boleh taksir (PBT)

- (a) PBT OBD daripada PYL adalah amaun pendapatan berkanun OBD daripada PYL ditolak dengan
 - (i) amaun kerugian larasan bagi tempoh asas dari tahun taksiran sebelumnya; kemudian
 - (ii) amaun EP atau amaun agregat EPyang belum diserap daripada pendapatan berkanunnya.
- (b) Amaun yang dinyatakan dalam (a) yang tidak dapat diserap berkenaan dengan suatu PYL hendaklah dihantar hadapan untuk diserap dalam tahun-tahun taksiran berikutnya.

5.11 Pelupusan

Sekiranya aset yang diberi EP, dilupuskan dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pemerolehannya, EP yang telah dibenarkan akan ditarik balik dan dianggap sebagai pendapatan kasar OBD dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran aset tersebut dilupuskan.

5.12 Ketidakpakaian

Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai kepada OBD bagi tempoh asas suatu tahun taksiran –

- (a) jika OBD tersebut–
 - (i) menjalankan operasi petroleum di dalam Kawasan Pembangunan Bersama; atau
 - (ii) menjalankan operasi petroleum di dalam suatu kawasan di bawah apa-apa perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia bagi eksplorasi dan eksploitasi petroleum di kawasan pertindihan.
- (b) berhubung dengan suatu medan jika OBD telah diberi –

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (i) elaun di bawah Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) 2013; atau
- (ii) pengecualian di bawah Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2013.

Contoh 8

Fakta sama seperti di Contoh 7, tetapi pada tahun taksiran 2013 juga, OCSB – Blok PM 9800 PSC (OBD) telah menggunakan teknologi perolehan minyak tertinggi (*enhanced oil recovery* - EOR) bagi Medan Kemboja. Projek EOR telah diluluskan sebagai PYL. Perbelanjaan modal bagi fasiliti EOR adalah sebanyak RM3,750,000. OBD telah menuntut EP atas perbelanjaan modal yang layak.

Pengiraan cukai pendapatan petroleum bagi tahun taksiran 2013 adalah seperti berikut:

Butiran	Medan Cempaka [Medan Marginal]	Medan Melur [Bukan PYL]	Medan Kemboja [PYL] Projek EOR
	RM	RM	RM
Pendapatan kasar	1,000,000	3,000,000	6,000,000
(-) Perbelanjaan dibenarkan	<u>300,000</u>	<u>550,000</u>	<u>750,000</u>
Pendapatan larasan	700,000	2,450,000	5,250,000
(+) Kenaan imbalan	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>0</u>
	700,000	2,450,000	5,250,000
(-) Elaun modal	<u>200,000</u>	<u>200,000</u>	<u>500,000</u>
Pendapatan berkanun	500,000	2,250,000	4,750,000
(-) Pendapatan dikecualikan ⁵	<u>165,750</u>	<u>0</u>	<u>0</u>
	334,250	2,250,000	4,750,000
(-) Rugi b/h	500	0	0
(-) EP ⁶	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>2,250,000</u>
PBT	333,750	2,250,000	2,500,000
Jumlah PBT	333,750	4,750,000	
(-) Derma yang diluluskan ⁷	<u>15,000</u>	<u>135,000</u>	
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	<u>318,750</u>	<u>4,615,000</u>	

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Butiran	Medan Cempaka [Medan Marginal]	Medan Melur [Bukan PYL]	Medan Kemboja [PYL] Projek EOR
Cukai pendapatan petroleum	$RM318,750 \times 38\%$ $= RM121,125$ atau Kadar cukai efektif $*RM484,500 \times 25\%$ $= RM121,125.00$ $*(RM500,000 - RM500 - RM15,000)$	$RM4,615,000 \times 38\%$ $= RM1,753,700$	

⁵ Pengiraan pendapatan yang dikecualikan cukai:

$$= \frac{(RM484,500 \times 38\%) - (RM484,500 \times 25\%) \times RM484,500}{RM484,500 \times 38\%} = \mathbf{RM165,750}$$

$$[RM484,500 = RM500,000 - RM500 - RM15,000]$$

⁶ EP Medan Kemboja iaitu $60\% \times RM3,750,000 = RM2,250,000$ dibanding dengan $70\% \times RM4,750,000$ (pendapatan berkanun) Medan Kemboja = $RM3,325,000$.

EP sebanyak RM2,250,000 diserap sepenuhnya.

⁷ Pengagihan derma yang diluluskan berdasarkan pendapatan kasar.

Contoh 9

Selain daripada teknologi EOR seperti di Contoh 8, pada tahun taksiran 2013 juga OCSB – Blok PM 9800 PSC (OBD) telah melakukan perbelanjaan modal tambahan sebanyak RM2,000,000 untuk menjalankan projek bertekanan tinggi bersuhu tinggi (HPHT) di Medan Kemboja. Dengan itu, jumlah perbelanjaan modal

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

yang layak bagi PYL (EOR dan HPHT) bagi tahun taksiran 2013 ialah RM5,750,000 (RM3,750,000 + RM2,000,000).

Pada tahun taksiran 2014, OBD melakukan perbelanjaan modal yang layak sebanyak RM800,000 dan membuat sumbangan derma kepada tabung yang diluluskan berjumlah RM100,000.

Pengiraan cukai pendapatan petroleum bagi tahun-tahun taksiran 2013 dan 2014 adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2013

	Medan Cempaka [Medan Marginal]	Medan Melur [Bukan PYL]	Medan Kemboja [PYL] EOR dan HPHT
	RM	RM	RM
Pendapatan kasar	1,000,000	3,000,000	6,000,000
(-) Perbelanjaan dibenarkan	<u>300,000</u>	<u>550,000</u>	<u>6,150,000</u>
Pendapatan larasan	700,000	2,450,000	rugi 150,000 (h/h)
(+) Kenaan imbalan	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>0</u>
	700,000	2,450,000	0
(-) Elaun modal	<u>200,000</u>	<u>200,000</u>	<u>0</u>
	500,000	2,250,000	tiada
Pendapatan berkanun	500,000	2,250,000	tiada
(-) Pendapatan dikecualikan ⁸	<u>165,750</u>	<u>0</u>	<u>0</u>
	334,250		
(-) Rugi b/h	500	0	0
(-) EP ⁹	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>0</u>
PBT	333,750	2,250,000	tiada
Jumlah PBT	333,750	2,250,000	
(-) Derma yang diluluskan ¹⁰	<u>15,000</u>	<u>135,000</u>	
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	<u>318,750</u>	<u>2,115,000</u>	
Cukai pendapatan petroleum	RM318,750 x 38% = RM121,125	RM2,115,000 x 38% = RM803,700	
	atau		

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

	Medan Cempaka [Medan Marginal]	Medan Melur [Bukan PYL]	Medan Kemboja [PYL] EOR dan HPHT
	Kadar cukai efektif *RM484,500 x 25% = RM121,125 *(RM500,000 - RM500 – RM15,000)		

⁸ Pengiraan pendapatan yang dikecualikan cukai:

$$= \frac{(RM484,500 \times 38\%) - (RM484,500 \times 25\%)}{RM484,500 \times 38\%} \times RM484,500 = \text{RM } 165,750$$

⁹ EP bagi Medan Kemboja iaitu 60% x RM5,750,000 = RM3,450,000 yang tidak dapat diserap, dihantar hadapan ke tahun taksiran 2014.

¹⁰ Pengagihan derma yang diluluskan berdasarkan pendapatan kasar setiap medan

Tahun Taksiran 2014

	Medan Cempaka [Medan Marginal]	Medan Melur [Bukan PYL]	Medan Kemboja [PYL] EOR dan HPHT
	RM	RM	RM
Pendapatan kasar	1,500,000	3,500,000	7,500,000
(-) Perbelanjaan dibenarkan	<u>500,000</u>	<u>800,000</u>	<u>2,500,000</u>
Pendapatan larasan	1,000,000	2,700,000	5,000,000
(+) Kenaan imbalan	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>0</u>
	1,000,000	2,700,000	5,000,000
(-) Elaun modal	<u>100,000</u>	<u>200,000</u>	<u>600,000</u>
Pendapatan berkanun	900,000	2,500,000	4,400,000
(-) Pendapatan dikecualikan ¹¹	<u>303,789</u>	<u>0</u>	<u>0</u>
	596,211	2,500,000	4,400,000
(-) Rugi b/h ¹²	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>150,000</u>
			4,250,000

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

	Medan Cempaka [Medan Marginal]	Medan Melur [Bukan PYL]	Medan Kemboja [PYL] EOR dan HPHT
	RM	RM	RM
(-) EP tahun semasa ¹³	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>480,000</u>
(-) EP b/h ¹⁴	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>3,770,000</u>
PBT	596,211	2,500,000	1,170,000
(-) Derma diluluskan ¹⁵	<u>12,000</u>		<u>3,670,000</u>
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	<u>584,211</u>	<u>3,582,000</u>	<u>88,000</u>
Cukai pendapatan petroleum	RM584,211 x 38% = RM222,000.18 atau Kadar cukai efektif *RM888,000 x 25% = RM222,000.00 *(RM900,000 – RM12,000)	RM3,582,000 x 38% = RM1,361,160.00	

¹¹ Pengiraan pendapatan yang dikecualikan cukai:

$$= \frac{(\text{RM}888,000 \times 38\%) - (\text{RM}888,000 \times 25\%) \times \text{RM}888,000}{\text{RM}888,000 \times 38\%} = \text{RM}303,789$$

$$[\text{RM}888,000 = \text{RM}900,000 - \text{RM}12,000]$$

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

¹² Rugi Medan Kemboja RM150,000 yang tidak dapat diserap pada tahun taksiran 2013, diserap sepenuhnya pada tahun taksiran 2014.

¹³ EP Medan Kemboja bagi tahun semasa (tahun taksiran 2014) sebanyak **RM480,000** (60% x RM800,000) **diserap sepenuhnya** daripada pendapatan berkanun.

¹⁴ EP Medan Kemboja sebanyak RM3,450,000 (60% x RM5,750,000) yang tidak dapat diserap pada tahun taksiran 2013 dibawa ke tahun taksiran 2014.

Pengiraan EP yang layak diserap pada tahun taksiran 2014:

		RM
EP terhad kepada 70% x RM4,400,000	=	3,080,000
(-) ¹³ EP tahun taksiran 2014 diserap (tahun semasa)	=	480,000
EP tahun taksiran 2013 bawa hadapan diserap pada tahun taksiran 2014	=	2,600,000

Pengiraan baki EP yang dihantar hadapan ke tahun taksiran 2015:

		RM
¹⁴ EP yang layak tahun taksiran 2013	=	3,450,000
(-) EP diserap pada tahun taksiran 2014	=	2,600,000
Baki EP dihantar hadapan ke tahun taksiran 2015	=	850,000

¹⁵ Pengagihan derma yang diluluskan berdasarkan pendapatan kasar setiap medan.

Contoh 10

Permata Sdn Bhd (PSB) dan Cahaya Sdn Bhd (CSB) telah memeterai perjanjian petroleum dengan PETRONAS bagi Blok PM 250. PSB/CSB – Blok PM 250 PSC (OBD) menjalankan operasi di Medan A (medan marginal), Medan B (bukan PYL) dan Medan C (PYL). Dalam tahun taksiran 2015, OBD telah melakukan perbelanjaan modal yang layak bagi menjalankan teknologi EOR di Medan C sebanyak RM2,000,000. OBD juga melakukan perbelanjaan aset infrastruktur

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

sebanyak RM3,000,000 untuk membina talian paip bagi penghantaran petroleum ke tempat jualan.

OBD layak menuntut EP sebanyak 60% atas perbelanjaan modal bagi projek EOR di Medan C dan 60% atas perbelanjaan aset infrastruktur.

Pengiraan cukai pendapatan petroleum bagi tahun taksiran 2015 adalah seperti berikut:

	Medan A [Medan Marginal]	Medan B [Bukan PYL]	Medan C [PYL]
	RM	RM	RM
Pendapatan kasar	2,000,000	4,000,000	6,000,000
(-) Perbelanjaan dibenarkan	<u>1,000,000</u>	<u>2,000,000</u>	<u>3,000,000</u>
Pendapatan larasan	1,000,000	2,000,000	3,000,000
(+) Kenaan imbalan	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>0</u>
	1,000,000	2,000,000	3,000,000
(-) Elaun modal	<u>300,000</u>	<u>300,000</u>	<u>300,000</u>
Pendapatan berkanun	700,000	1,700,000	2,700,000
(-) EP ¹⁶	<u>0</u>	<u>0</u>	<u>1,200,000</u>
	700,000	1,700,000	1,500,000
(-) EP ¹⁷	3,900,000	1,800,000	
PBT/	<u>1,800,000</u>		
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	<u>2,100,000</u>		
Cukai pendapatan petroleum	<u>RM700,000</u> x RM2,100,000 RM3,900,000 =RM376,923 x 25% =RM94,230.75	<u>RM3,200,000</u> x RM2,100,000 RM3,900,000 =RM1,723,077 x 38% =RM 654,769.26	

¹⁶ EP atas perbelanjaan modal yang layak bagi Medan C:

60% x RM2,000,000 = RM1,200,000 dibandingkan dengan 70% pendapatan berkanun Medan C (70% x RM2,700,000) = RM1,890,000.

EP RM1,200,000 diserap sepenuhnya.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

¹⁷ EP atas perbelanjaan aset infrastruktur:

$60\% \times \text{RM}3,000,000 = \text{RM}1,800,000$ dibandingkan dengan 70% pendapatan berkanun OBD ($70\% \times \text{RM} 5,100,000$) = RM3,570,000.

EP RM1,800,000 diserap sepenuhnya.

Contoh 11

Seawell Sdn Bhd (SSB) telah memeterai perjanjian petroleum dengan PETRONAS bagi menjalankan projek laut dalam di blok PM 100 dalam tahun taksiran 2013. Blok tersebut merupakan blok PYL di bawah Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) 2013.

Perbelanjaan modal yang dilakukan adalah seperti berikut:

- (i) penyediaan loji dan jentera sebanyak RM2,750,000.
- (ii) aset infrastruktur sebanyak RM2,900,000

SSB – Blok PM 100 PSC (OBD) layak menuntut EP sebanyak 60% atas perbelanjaan modal yang dilakukan untuk menyediakan loji dan jentera bagi keseluruhan Blok PM 100 terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun OBD.

OBD juga layak menuntut EP sebanyak 60% atas perbelanjaan modal yang layak ke atas aset infrastruktur untuk mengangkut petroleum ke tempat jualan atau eksport terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun OBD.

Contoh 12

Exxa Sdn Bhd (ESB) dan Zaza Sdn Bhd (ZSB) telah memeterai perjanjian petroleum bagi blok SK 108. ESB/ZSB – Blok SK 108 PSC telah mendapat kelulusan FDP bagi Medan A yang pertama pada 1 Januari 2020 dan layak untuk insentif EP bagi tempoh 10 tahun.

Pada tahun 2022, Medan A telah mendapat kelulusan FDP yang kedua berdasarkan hasil eksplorasi yang telah dijalankan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tempoh perbelanjaan yang layak adalah 10 tahun bermula dari tahun taksiran 2020 sehingga 2029 di mana tahun FDP pertama mendapat kelulusan daripada pihak PETRONAS.

6. PENAFIAN

Contoh di dalam garis panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

7. PEMBATALAN

Garis Panduan ini membatalkan -

- (a) Garis Panduan Tuntutan Insentif Bagi Industri Petroleum Huluan Di Bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 bertarikh 22 Mei 2014; dan
- (b) Garis Panduan Tuntutan Insentif Bagi Industri Petroleum Huluan Di Bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (Pindaan) bertarikh 30 Disember 2020.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

22 JULAI 2026

s.k: LHDN.AG.E.600-1/10/3